



Kecerdasan Intelektual (IQ), Kecerdasan Emosi (EQ) dan Kecerdasan Spiritual (SQ): Mencari Keseimbangan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti

*Rasid Muhamad
Mohd Nazri Mohd Noor
Jahjaiton Arsad*

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan tentang kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan spiritual (SQ) yang sering dikaitkan dengan keperluan pelaksanaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di universiti. Integrasi ketiga-tiga elemen tersebut terbukti memberikan impak yang sangat besar terhadap para pelajar dalam konteks kematangan berfikir, pembentukan personaliti unggul dan menjana kefahaman mendalam tentang kepentingan hubungan sesama manusia dan penciptanya. Bagi warga akademik pula gabungan ketiga-tiga elemen tersebut berupaya menghasilkan tanda aras kefahaman subjek. Ia berupaya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih terarah dan sistematik. Dari aspek pengurusan universiti pula pendidikan IQ, EQ dan SQ mampu menghasilkan graduan yang lebih berketrampilan mudah untuk diterima oleh industri, sekaligus meningkatkan imej universiti di mata umum. Kertas kerja ini mendapati bahawa universiti adalah tempat terbaik untuk ketiga-tiga asas tersebut disemai dan dibaja. Kepentingan jangka panjang yang bakal dinikmati oleh universiti melalui kertas kerja ini ialah pembentukan modal insan yang mantap bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara. Justeru itu pelaksanaannya perlu disejajarkan kerana penggabunganjalinan tersebut juga dijamin meningkatkan nilai diri dan nilai tambah para pelajar.

Kata Kunci : *Kecerdasan intelektual, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual*

Pengenalan

Pendidikan merupakan proses penting dalam membina individu, masyarakat dan negara yang berkualiti. Dalam usaha untuk membentuk modal insan, pendidikan merupakan satu wahana yang terpenting. Pendidikan perlulah dilaksanakan dengan sempurna, sebagaimana yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Namun, apakah falsafah dan hasrat yang murni membuahkan amalan dan produk yang benar-benar baik dan berkualiti. Apakah nilai-nilai murni menjadi unsur penting yang melatari pendidikan yang dilaksanakan? Persoalan kecerdasan intelek (IQ), persoalan kecerdasan emosi (EQ), dan kecerdasan kerohanian (SQ) semakin mendapat tempat dalam bidang pendidikan kini. Tulisan ini ingin menyorot persoalan tersebut, dan ingin melihat relevannya persoalan tersebut dihayati dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya di UiTM.

Kajian demi kajian dijalankan oleh para ilmuan di dunia ini berkaitan dengan hubungkait ketiga-tiga IQ, EQ dan SQ (Abdul Fatah 2006). Walaupun pada asalnya ianya telah ditemui oleh para ilmuan Islam tetapi proses cerakinan, asimilasi dan suntikan komersil telah dilakukan oleh sarjana ilmuan barat. Mereka telah berjaya menggunakan ketiga-tiga elemen tersebut untuk diterapkan dalam sistem pendidikan mereka. Maka dengan itu terhasillah teori-teori pengajaran kanak-kanak (pedagogi) dan juga teori-teori pengajaran dewasa (andragogi) (Abdul Fatah 1998; Tasmara 2001).

Universiti dianggap sebagai sebuah taman ilmu yang berfungsi dalam menghasilkan para cendekiawan yang bakal mencorakkan masa depan negara. Justeru, perlaksanaan konsep IQ, EQ dan SQ adalah sangat relevan dalam dunia pendidikan dan mampu memberi impak yang besar terhadap pengurusan universiti, pensyarahnya dan juga para pelajarnya. Integrasi ketiga-tiga elemen tersebut mampu menjadikan suasana pembelajaran lebih terarah, seronok dan berkesan. Hasilnya akan menjana kepada pembentukan sahsiah dan wacana pemikiran yang lebih matang dan kritikal yang sesuai pada masa dan tempatnya.

Pendidikan dan Pembinaan Tingkah Laku

Pendidikan dalam erti kata yang sebenarnya merupakan proses, “memanusiakan manusia seutuh dan setulennya” (Rasid 2003). Oleh itu pendidikan amat berkait dengan pembinaan watak yang unggul. Pembinaan watak yang unggul tersebut perlulah mengambil kira domain yang membentuk manusia, yang pada dasarnya melibatkan unsur intelektual, emosi dan rohani. Dengan cara itu, barulah hasrat kita untuk membentuk insan bersepadu dan harmonis sebagaimana yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Negara akan menjadi realiti.

Dalam melaksanakan pendidikan, sewajarnya ia dilaksanakan berteraskan falsafah yang jelas dan benar. Sesungguhnya Malaysia telah membina falsafah pendidikannya yang murni yang disuratkan dalam Akta Pendidikan

(1996). Ianya menyebutkan:

Pendidikan merupakan satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Justeru, sewajarnya pendidikan yang dilaksanakan dalam seluruh sistem pendidikan di negara ini, sama ada awam dan swasta, rendah, menengah dan tinggi, bertunjang dan bernaifakan falsafah tersebut. Perbincangan tentang IQ, EQ dan SQ adalah dalam konteks untuk menghayati dan mendokong falsafah pendidikan yang murni tersebut.

Kecerdasan Intelektual (IQ)

Menurut Tee Ping (1985), kecerdasan intelektual ataupun IQ manusia adalah berbeza di antara satu sama lain. Ia juga didapati boleh berubah mengikut peredaran masa. Namun begitu kajian menunjukkan secara asasnya kecerdasan seseorang adalah konstan di sepanjang hayatnya.

Ujian-ujian terhadap kecerdasan intelektual telah dipelopori oleh pakar-pakar psikologi Barat. Pada tahun 1905, dua pakar psikologi dari Perancis iaitu Alfred Binet dan Theodore Simon telah mempelopori ujian kecerdasan intelektual yang pertama di dunia. Namun begitu ujian yang dikemukakan adalah dikhususkan kepada kanak-kanak. Selepas Perang Dunia Kedua, skop ujian kecerdasan intelektual telah diperkembangkan lagi untuk orang dewasa. Di waktu itu ujian kecerdasan intelektual digunakan untuk menguji kecekapan dan kematangan pemikiran askar-askar, temuduga pekerjaan dan juga syarat kemasukan ke kolej dan juga universiti (Tee Ping 1985).

Tee Ping (1985) seterusnya menyatakan bahawa kesedaran tentang pentingnya kecerdasan intelektual ini telah mula wujud di Malaysia pada awal tahun 80-an. Namun pelaksanaannya pada masa tersebut berlangsung diperingkat yang sangat minimum. Ujian kecerdasan yang dijalankan menunjukkan kurang 3% yang mempunyai tahap IQ 148 seperti syarat minimum yang ditetapkan oleh *The International High IQ Society* (MENSA) iaitu badan bebas yang mengawalselia standard ujian IQ yang berpangkalan di United Kingdom. Kini rakyat di segenap lapisan sangat arif tentang pentingnya kecerdasan intelektual. Namun perkara asas yang perlu difikirkan bersama ialah sejauh mana elemen kecerdasan intelektual ini digunakan di dalam bilik kuliah universiti di negara kita.

Menurut Tee Ping (1985), Goleman (1995) dan Zohar dan Marshall (2000), untuk menghasilkan graduan yang berketrampilan, pelaksanaan kecerdasan intelektual oleh pensyarah di dalam bilik kuliah perlu mencakupi ruang seperti:

- i. Penggunaan Bahasa (*Language Usage*)
- ii. Penaaakulan (*Reasoning*)
- iii. Daya Ingatan (*Memory*)
- iv. Kemampuan Persepsi (*Perceptual Competence*)
- v. Kecekapan Dalam Saling Hubungan Ruang (*Spatial Relationship*)
- vi. Kemampuan Mencongak (*Numerical Ability*)
- vii. Logik (*Logic*)
- viii. Kemampuan Lisan (*Verbal Ability*)

Kecerdasan intelektual pelajar sudah semestinya boleh dipertingkatkan dengan adanya proses pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada proses pemikiran secara matang, waras, cepat dan tepat. Pensyarah perlu sentiasa merangka lebih banyak persoalan di dalam bilik kuliah yang mampu mengukur kebolehan daya ingatan, pemikiran yang waras (logik) dan juga kemampuan mencongak dengan pantas.

Secara asasnya proses pengkuliahannya yang mempunyai elemen kecerdasan intelektual yang berkesan oleh pensyarah terhadap pelajarannya mampu menjadi indikasi awal terhadap bidang pekerjaan yang sesuai untuk seseorang pelajar itu. Kajian oleh pakar-pakar dalam bidang ini merumuskan bahawa nilai kecerdasan intelektual (IQ) dapat menunjukkan jenis pencapaian seseorang pelajar universiti (Tee Ping 1985). Secara puratanya, pelajar yang mempunyai skor kecerdasan intelektual melebihi 140 akan memegang jawatan berstatus tinggi seperti doktor, peguam ataupun jurutera. Ironinya ialah jika seseorang pelajar itu mempunyai kematangan dan kewarasan berfikir ditambah pula dengan lapan elemen yang dinyatakan di atas, maka pelajar itu mempunyai potensi yang sangat besar di alam pekerjaannya kelak.

Kecerdasan Emosi (EQ)

Kecerdasan emosi EQ mengikut Salovey dan Mayer (1997) ialah "kebolehan untuk mengawas diri sendiri dan orang

lain dari segi perasaan dan emosi, dapat membezakan antara kedua-duanya dan boleh menggunakan maklumat itu untuk memandu pemikiran dan tindakan”.

Goleman (1995) telah menguraikan kecerdasan emosi ini melibatkan lima domain yang utama iaitu:

- i. Kebolehan mengetahui emosi sendiri, iaitu mengenal dan menyedari perkembangan emosi sendiri. Paling asas seseorang itu dapat memahami dan merasai perasaan sendiri sama ada ia marah, suka, gembira dan sebagainya. Dengan itu ia boleh berinteraksi dengan orang lain dan persekitaran yang berbeza.
- ii. Kebolehan mengurus emosi, ianya adalah lanjutan dari sifat yang pertama. Seseorang itu tidak hanya memahami emosinya, tetapi mampu mengawal atau mengendalikan emosinya. Dengan cara itu seseorang itu akan bersikap dan bertindak dengan tenang, mampu mengurus stress, dan menghadapi pelbagai masalah dan cabaran.
- iii. Kebolehan meningkatkan motivasi diri sendiri. Ianya lanjutan dari kefahamannya yang mendalam tentang emosinya sendiri dan kemampuannya mengendalikan emosinya. Dengan itu seseorang itu dapat mendorong dirinya untuk melakukan sesuatu tanpa dipaksa atau diarah oleh orang lain. Hasilnya beliau akan menjadi seorang yang produktif dan efektif dalam segala usaha dan tugas yang diamanahkan kepadanya.
- iv. Kebolehan mengenal emosi orang, iaitu kemampuannya mengenal pasti emosi dan perasaan orang lain. Ini berkait dengan kemahirannya yang tinggi dalam perhubungan kemanusiaan. Biasanya mereka yang berkebolehan mengenali emosi orang ini ialah mereka yang bersifat empati, kerana ia mampu meletakkan dirinya ke dalam masalah orang lain;
- v. Kebolehan menjalin persaudaraan atau perhubungan, iaitu kemampuannya menjalinkan perhubungan dengan orang lain. Perhubungan yang baik dengan orang lain akan memudahkannya melakukan sesuatu yang terbaik hasil dari perhubungan tersebut.

Dalam menghuraikan persoalan yang sama, Mayer dan Solovey (1997) menghuraikan enam domain yang utama dalam memperihalkan tentang kecerdasan emosi, iaitu:

- i. Kesedaran sendiri, iaitu tahap kebolehan seseorang itu mengenal pasti dirinya sendiri, ini termasuklah kemampuan akalinya, kebolehan dirinya, perasaan dan emosinya. Dengan itu seseorang ini akan mempunyai konsep sendiri yang positif. Ia akan yakin kepada diri sendiri;
- ii. Kemampuan mengendalikan emosinya, iaitu dengan memahami diri sendiri, terutama emosinya, serta mempunyai konsep sendiri yang positif dan kuat, seseorang itu mampu mengendalikan emosinya. Dengan itu, ia akan menjadi seorang yang mengawal emosinya, bukan sebaliknya dikawal oleh emosi;
- iii. Empati merupakan sifat penting mereka yang mempunyai kecerdasan emosi. Iaitu kebolehan memahami masalah dan emosi orang lain, membolehkannya meletakkan dirinya di tempat orang lain. Dengan itu, ia akan menjadi orang yang benar-benar memahami masalah serta emosi orang lain.
- iv. Kemahiran menjalin perhubungan merupakan sifat mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Hal ini berkait dengan kemampuannya memahami diri sendiri dan memahami orang lain. Ia dapat meletakkan dirinya ke tahap individu lain serta membolehkannya menjalinkan hubungan yang baik dan intim dengan orang lain.
- v. Mereka juga boleh menjalinkan kerjasama. Perhubungan yang baik tidak setakat berhubung antara satu sama lain, tetapi membuahkan kerjasama sesama mereka. Hal ini kerana memahami diri sendiri dan orang lain, memahami kekuatan dan kelemahan diri dan orang lain membolehkannya memanfaatkan ke arah kerja dan amal yang lebih banyak dan bermakna.
- vi. Mereka juga mahir menyelesaikan konflik. Dalam mana-mana perhubungan, pastinya ada masalah dan konflik. Mereka yang memiliki kecerdasan emosi mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah dan konflik. Dengan itu, pastinya seseorang itu dapat merungkai segala permasalahan yang wujud, dan mereka akan muncul sebagai individu yang berjaya.

Kepentingan EQ dalam kehidupan dan kerjaya amat terserlah sekali. Beberapa dapatan kajian menyerlah hakikat ini. Muhamed Fauzi Othman (2006) meneliti beberapa dapatan kajian yang menunjukkan perkara berikut:

- i. 75% kerjaya mengalami kegagalan adalah disebabkan rendahnya EQ.
- ii. 70% sebab sesebuah perniagaan itu kehilangan pelanggan atau klien adalah berpunca daripada EQ;
- iii. 50% pembaziran masa dalam perniagaan disebabkan kurangnya rasa percaya mempercayai antara satu sama lain;
- iv. Klien gagal berubah kerana kaunselor tidak bersifat empati dan optimistik;
- v. Doktor yang mempunyai EQ yang rendah lebih banyak disaman.

Dalam konteks seorang pengurus atau pemimpin, EQ merupakan faktor kritikal dalam proses yang mempengaruhi kejayaannya. Cooper dan Sawak (1997), telah menghuraikan kepentingan EQ dalam perkara berikut:

- Proses membuat keputusan
- Memantapkan sifat kepimpinan;
- Meningkatkan kecemerlangan teknikal dan strategik;
- Menyerlahkan sifat keterbukaan dan kejujuran dalam berkomunikasi;
- Mempunyai hubungan yang baik dan semangat berpasukan yang tinggi;
- Dapat mengekalkan kesetiaan pelanggan;
- Menyuburkan budaya kreatif dan inovatif.

Kecerdasan Spiritual (SQ)

Salah satu kecerdasan yang penting dalam proses pembentukan manusia yang sempurna ialah kecerdasan spiritual. Kesedaran tentang kepentingan kecerdasan spiritual ini dalam konteks sarjana Barat antaranya dilakukan oleh Zohar dan Marshal (2000) yang menyatakan kecerdasan intelektual IQ dan kecerdasan emosi EQ tidak cukup dalam kehidupan manusia. Kedua-dua sarjana ini mengaitkan SQ amat mempengaruhi IQ dan EQ seseorang.

Harus difahami, spiritual dalam konteks Barat adalah sesuatu yang dangkal, kerana hanya menjurus kepada persoalan hubungan manusia dengan tuhan, dan ianya tidaklah selengkap dengan konsep spiritual menurut perspektif Islam. Di antara sarjana yang menekuni persoalan kecerdasan spiritual ini ialah Tasmara yang menggunakan istilah *Transcendental Intelligence* atau TQ. Konsep Tasmara ini lebih Islamik sifatnya yang membincangkan peranan dan pengaruh kerohanian yang dianjurkan oleh Islam yang ada kaitannya dengan kehidupan hakiki manusia bukan hanya di dunia tetapi sampai di akhirat. Kecerdasan spiritual yang digagaskan oleh Tasmara berpusat kepada konsep mahabbah dan taqwa, yang amat mempengaruhi pembentuk sifat dan perlakuan manusia yang sempurna.

Dalam konteks sarjana di Malaysia, Abdul Fatah (2006) adalah di antara sarjana yang menekuni persoalan psikologi pemikiran manusia juga membincangkan persoalan kecerdasan spiritual. Beliau mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai, “kebolehan mengawasi diri sendiri dari segi tindakan yang dilakukan dan keputusan-keputusan yang dibuat berlandaskan prinsip-prinsip keagamaan dan ketaatan kepada Allah SWT”.

Abdul Fatah (2006) membincangkan tentang pelbagai pendekatan yang mampu meningkatkan kecerdasan spiritual. Antaranya ialah:

- Menerima Islam sebagai Ad-din, iaitu sebagai satu cara hidup yang menyeluruh, berlandaskan ketaatan kepada Allah, berlandaskan undang-undang dan aturan yang diturunkan oleh Allah swt melalui al-Quran dan sunnah Rasulnya;
- Meningkatkan keimanan kepada Allah swt. dengan kekuatan keimanan dan memberikan kekuatan kerohanian yang boleh menolak godaan nafsu yang boleh menjerumuskan manusia melakukan perbuatan yang tercela dan bercanggah dengan keimanan;
- Meningkatkan akhlak yang baik melalui hubungan baik dan rasa cinta dan sayang terhadap manusia dan seluruh makhluk ciptaan Allah;
- Menjaga sumber makanan dan pendapatan supaya tidak bertentangan dengan ajaran dan peraturan yang ditentukan oleh Islam;
- Membanyakkan bertaubat kepada Allah swt kerana Allah swt amat suka kepada orang yang suka membersihkan diri dan rohnya;
- Membanyakkan amalan yang baik melalui pembacaan Al-Quran, berzikir, solat, berdoa, kerana amalan ini dapat meningkatkan nilai keperibadian mukmin;
- Menjauhkan diri dari anasir-anasir yang terdedah kepada maksiat seperti perkara yang menjadi sasaran hawa nafsu;
- Melakukan usaha untuk berhijrah ke arah yang indah dan baik, dan sentiasa meningkatkan kualiti diri.

Sehubungan dengan itu, kerohanian manusia ini akan mantap dengan memberikan perhatian kepada interaksi asas manusia dengan Tuhan, keimanan dan kehidupan. Haron Din (1997), menyarankan beberapa perkara penting untuk meningkatkan kerohanian dalam diri, antaranya:

- i. Mempunyai sikap yang jelas terhadap Allah dan manusia. Manusia yang tinggi kerohaniannya mengenali Allah dengan tepat, dan sentiasa berhubungan dengan Allah dengan melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Mereka juga mempunyai hubungan yang baik dengan manusia, melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan mengajak mereka ke arah yang makruf dan mencegah yang mungkar.
- ii. Mereka mempunyai sikap yang positif terhadap dunia dan kehidupan. Mereka akan menerima takdir dengan tepat, mereka akan memanfaatkan dunia bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dengan itu mereka akan positif terhadap segala kelemahan dan masalah yang mereka hadapi. Mereka yakin untuk berhadapan dengan masa depan. Mereka produktif dalam melakukan yang baik. Mereka berusaha dan bertawakkal kepada Allah. Mereka akan bersyukur jika berjaya, dan mereka bersabar jikalau

tidak berjaya atau ditimpa musibah. Akhirnya mereka akan tenang dalam apa keadaan sekalipun.

- iii. Mereka juga mempunyai sikap yang tepat terhadap kesenangan dan harta. Mereka meyakini harta sebenarnya milik Allah. Manusia sekadar pemegang amanah. Oleh itu mereka akan mendapatkan harta tersebut dengan cara yang dibenarkan oleh Allah yang mengamanahkan kepadanya, dan menggunakannya sebagaimana yang diarahkan kepadanya. Dengan itu, akan terhindarlah manusia dari sifat tamak haloba, nafsu serakah untuk memiliki harta, berendam dan dengki untuk merebut harta dan kesenangan keduniaan. Mereka juga akan menjadi orang yang pemurah, dan akan membantu mereka yang memerlukan dalam bentuk zakat dan bersedekah dan sebagainya.
- iv. Mereka juga mempunyai keimanan dan keyakinan yang kukuh terhadap perkara yang ghaib. Mereka mempercayai kehadiran malaikat, persoalan dosa dan pahala, hari akhirat dan yang sehubungan dengannya. Semuanya ini menjadikan seseorang itu lebih berhati-hati dalam kehidupan, dan sentiasa tunduk dan patuh terhadap apa yang diarahkan oleh Allah. Mereka juga menjauhi segala bentuk perkara yang dilarang oleh Allah.

Kepentingan Integrasi Antara IQ, EQ dan SQ

Dalam kehidupan, ketiga-tiga kecerdasan ini amat diperlukan. IQ yang agak lemah, secara mudahnya, bukanlah melambangkan kegelapan dalam kehidupan. Mereka boleh meneroka kehidupannya berdasarkan kepada kemampuan dirinya. Ianya dapat ditampung dengan kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi merupakan kecerdasan yang amat bersifat guna, yang penting dalam perhubungan antara manusia serta kemampuannya untuk berjaya dalam kerjaya. Hal ini penting kerana terdapat mereka yang mempunyai IQ yang tinggi, gagal dalam kerjayanya berbanding dengan mereka yang tinggi EQnya.

Sementara SQ merupakan kepintaran yang bersifat dalaman yang mampu mengawal manusia agar tidak tersasar dari landasan kehidupan yang ditentukan oleh Allah. Kelemahan dalam IQ dan EQ, mempunyai kesan yang amat besar kepada individu dan ianya tidak banyak manfaat untuk orang lain. Tetapi kelemahan SQ mungkin akan membawa malapetaka kepada tamadun kemanusiaan, kerana mereka yang IQ yang tinggi serta EQ juga tinggi, tetapi tidak dikawal oleh SQ yang tinggi akan merosakkan masyarakat, dan mereka akan menggunakan kepintarannya untuk kepentingan diri dan mungkin juga menjahanamkan orang lain.

Oleh itu, ketiga-tiga kemahiran tersebut seharusnya dipupuk dan dibimbing secara bersama. Kerana ketiganya mempunyai kekuatan yang tersendiri dan diperlukan oleh individu dalam kehidupan. Menafikan salah satu di antaranya, merupakan satu amalan yang tidak bermanfaat kerana kita menafikan satu unsur atau potensi yang ada dalam diri manusia itu sendiri.

Realiti IQ, EQ dan SQ dalam Pengajaran dan Pembelajaran Universiti

Jikalau diperhalusi, dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan selama ini, apakah persoalan IQ, EQ dan SQ ini diberikan perhatian? Apakah pertimbangan yang wajar diberikan terhadap persoalan tersebut? Atau, apakah ianya merupakan sesuatu yang terlalu asing dalam dunia pendidikan dan pengajaran yang dilaksanakan?

Persoalan IQ dalam pengajaran, tidak banyak yang boleh diusahakan, kerana ianya amat berkaitan dengan potensi semulajadi. Namun ianya masih boleh dipertingkatkan, dengan melibatkan pemakanan dan peningkatan kemahiran berfikir. Persoalan ini juga tidak terlalu mendesak kerana secara umumnya mereka yang memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT), mempunyai tahap IQ yang secara relatifnya baik dan tinggi. Ruang yang terbuka luas untuk diterokai dan dikembangkan ialah EQ dan SQ. EQ menjadi persoalan penting dan mendesak kerana dunia pendidikan sering kali didedahkan dengan kelemahan graduan yang dilahirkan terutama dalam komunikasi dan penyesuaian diri. Ianya amat relevan dengan persoalan EQ yang mencakupi secara khususnya kematangan seseorang itu memahami diri sendiri dan orang lain, dan bagaimana seseorang itu berinteraksi dengan individu dan persekitaran yang berbeza. Maka di sinilah terletaknya kepentingan EQ dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

Begitu juga dengan persoalan SQ. Dalam hubungan Malaysia ingin menjadi negara yang mempunyai pakar-pakar berkelas dunia, kita perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran, kesan globalisasi, kerakusan manusia terhadap kebendaan dan kekayaan serta penyalahgunaan kuasa dan rasuah, maka persoalan SQ menjadi amat penting. Gejala sosial yang melanda generasi muda dan juga dewasa, persoalan SQ sewajarnya dijadikan salah satu kaedah penting untuk membendung walaupun tidak dapat menghapuskannya sama sekali gejala yang membimbangkan itu.

Nyatalah persoalan IQ, EQ dan SQ sewajarnya diangkat menjadi agenda penting dalam kehidupan. Ianya perlu dilihat sebagai satu keperluan, khususnya dalam usaha UiTM untuk melahirkan graduan bertaraf dunia dalam erti kata yang sebenarnya.

Saranan dan Strategi Pelaksanaan

Pendidikan merupakan satu bidang yang penting, mencabar serta bersifat dinamik. Oleh itu ianya harus mendepani cabaran yang tetap akan berlaku. Penambahbaikan perlu dilaksanakan. Perbincangan tentang IQ, EQ dan SQ merupakan satu bidang yang seharusnya ditekuni oleh semua warga pendidik. Dengan itu, mudah-mudahan pendidikan yang dilaksanakan benar-benar bernafaskan pendidikan dan dapat mengeluarkan warga yang terdidik yang dapat menyumbang ke arah kebaikan. Untuk tujuan itu, beberapa saranan ingin diutarakan iaitu:

- i. Wacana yang lebih khusus dan mendalam tentang persoalan IQ, EQ dan SQ ini amat wajar kiranya dilaksanakan. Agar dengan itu, kefahaman yang mendalam tentangnya dapat dimantapkan khususnya di kalangan warga pendidik.
- ii. Satu kaedah yang sesuai perlu dicari, agar persoalan IQ, EQ dan SQ ini dapat diterapkan dalam pengajaran yang dilaksanakan.
- iii. Untuk meningkatkan kecerdasan pemikiran IQ, pendekatan yang perlu dilakukan ini termasuklah dengan memperkenalkan kursus kemahiran berfikir. Dengan itu, kemahiran berfikir pelajar dapat dikembangkan.
- iv. Kecerdasan emosi juga perlu diberikan penekanan. Iaitu dengan meningkatkan kemahiran yang berkaitan dengan kecerdasan emosi tersebut, dengan mendalami aspek psikologi dan emosi.
- v. Kecerdasan spiritual juga amat perlu diberikan perhatian. Kecerdasan ini dapat disuburkan dengan meningkatkan kefahaman tentang Islam, tentang iman dan ketaqwaan agar dapat melahirkan insan yang sempurna.
- vi. Pendekatan bersepadu yang menggabungkan antara intelektual, emosi dan kerohanian harus menjadi agenda penting dalam pengajaran, agar hasrat untuk melahirkan modal insan yang berkualiti di UiTM dapat dilakukan.

Kesimpulan

Dunia pendidikan tinggi dewasa ini tidak dapat menafikan akan kepentingan penggabungan antara IQ, EQ dan juga SQ. Melahirkan graduan yang bertaraf dunia bukanlah sesuatu yang mustahil bagi UiTM jika sekiranya ada komitmen yang bersungguh-sungguh dan bersepadu daripada pihak pengurusan, para pensyarah dan juga para pelajarnya. Sistem pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai elemen-elemen pendidikan IQ, EQ dan SQ akan berupaya menjadikan proses pengkuliah menjadi lebih terarah, seronok dan juga lebih memberikan manfaat kepada para pelajar.

Dari perspektif pelajar, mereka akan lebih menghargai dan faham akan kepentingan ilmu itu. Bagi pendidik pula proses penyampaian ilmu akan menjadi lebih mudah dan berkesan kerana adanya indikasi awal kepada tahap pemahaman seseorang pelajar itu terhadap sesuatu subjek. Sistem pembelajaran akan menjadi lebih seronok dan tahap interaksi dua hala akan menjadi lebih kerap. Secara tidak langsung mereka meningkatkan nilai harga diri dan nilai tambah pelajar dari kaca mata industri. Di peringkat pengurusan tertinggi universiti pula, mereka akan berasa bangga jika para graduan yang dihasilkan akan mudah diterima di dalam pasaran kerja dewasa ini yang sangat bersifat kompleks dan terlalu ketat proses pemilihan pekerjaanya. Justeru itu, dalam konteks institusi pendidikan dinegara kita ini, universiti yang lebih proaktif di dalam mengamalkan integrasi IQ, EQ dan SQ akan lebih maju ke hadapan meninggalkan pesaingnya.

Rujukan

- Al-Quran dan Terjemahannya. (2001). *Bimbingan Tafsir Ar-Rahman*. Asy-Syarif Medinah Munawarah, Saudi Arabia: Mujamma' Al Malik Fahd Li Thiba'at Al Mush-haf.
- Akta Pendidikan. (1996). *Peraturan-Peraturan Terpilih – Akta 550*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Abdul Fatah Hasan. (1998). *Pemikiran Keseluruhan Otak*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Fatah Hasan. (2006). *Tenaga dan Keremajaan Minda: Untuk Meningkatkan Produktiviti dan Potensi Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Cooper, Robert K. , & Sawaf Ayman. (1997). *Executive EQ: Emotional Intelligence in Leadership & Organization*. New York: Grosset.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.

Haron Din. (1997). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mayer, J.D & Salovey, P. (1997). *What Is Emotional Intelligence?* New York: Basic Books.

Muhamed Fauzi Othman. (2006). *Menghayati Islam Dapat Meningkatkan IQ*. Bentong, Pahang: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.

Rasid bin Muhamad. (2003). *Pendidikan, Agama dan Nilai: Satu Penegasan Semula*. Prosiding KONAKA, UiTM Pahang.

Tee Ping .(1985). *Menguji IQ Anda*. Petaling Jaya, Selangor: Media Intelek Sdn Bhd.

Toto Tasmara. (2001). *Kecerdasan Ruhaniah*. Jakarta: Gema Insani Press.

Zohar, D. & Marshall, I. (2000). *SQ: Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. New York : Bloomsbury.

RASID BIN MUHAMAD, CITU, Universiti Teknologi MARA Pahang. rasid@pahang.uitm.edu.my

MOHD NAZRI BIN MOHD NOOR, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang. mnazri@pahang.uitm.edu.my

JAHJAITON BINTI ARSAD, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat, Universiti Teknologi MARA Pahang. jj@pahang.uitm.edu.my